



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PENGURANGAN POSTUR JANGGAL MELALUI PEMBAIKAN ALAT
PENUAIAN SEDIA ADA DALAM KALANGAN PEKERJA SAWIT DI
JOHOR, MALAYSIA***

IRWAN SYAH B. MD YUSOFF

FPSK(M) 2014 17



**PENGURANGAN POSTUR JANGGAL MELALUI PEMBAIKAN ALAT
PENUAIAN SEDIA ADA DALAM KALANGAN PEKERJA SAWIT DI JOHOR,
MALAYSIA**

Oleh

IRWAN SYAH B. MD YUSOFF

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

April 2014

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks, gambar, logo, ikon, dan semua karya seni lain, adalah hak cipta Universiti Putra Malaysia. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains.

**PENGURANGAN POSTUR JANGGAL MELALUI PEMBAIKAN ALAT
PENUAIAN SEDIA ADA DALAM KALANGAN PEKERJA SAWIT DI
JOHOR, MALAYSIA**

Oleh

IRWAN SYAH BIN MD YUSOFF

April 2014

Pengerusi : Prof. Madya Shamsul Bahri Bin Hj. Md Tamrin, PhD

Fakulti : Perubatan dan Sains Kesihatan

Pengenalan: Persekitaran kerja dan peralatan yang digunakan untuk menuai BTS telah dikenalpasti sebagai salah satu daripada faktor penyumbang kepada peningkatan gangguan rangka otot (GRO). Objektif utama kajian ini adalah mereka bentuk dan menghasilkan rekaan alat penuaian untuk mengurangkan masalah kesihatan yang berpotensi terhasil dan berorientasikan prinsip ergonomik serta menilai faktor risiko GRO yang secara khususnya pada bahagian atas badan dan belakang bawah dalam kalangan penuai sawit di Johor.

Kaedah : Seramai 273 orang penuai sawit yang memenuhi inklusif kriteria kajian telah terlibat dalam kajian. Borang soal selidik *Nordic* yang telah diubahsuai mengikut kesesuaian persekitaran kerja untuk menentukan kelaziman masalah GRO (aduan sepanjang 12 bulan lepas dan 7 hari kebelakangan bekerja) telah diterjemahkan dalam Bahasa Indonesia (Lombok). Postur kerja setiap penuai sawit direkod dan dianalisa menggunakan RULA. Ukuran antropometrik secara terpilih dan ukuran alat pahat telah diambil untuk menentukan nilai kesepadanan. Pembangunan rekaan telah dijalankan menggunakan prinsip *User Centered Design* (UCD). Fabrikasi prototaip dihasilkan dan ujian lapangan kajian telah dijalankan.

Keputusan: 100% penuai merupakan pekerja Indonesia dan purata umur 29.13 ± 6.50 tahun. Sebanyak 78.0% aduan berkenaan GRO sepanjang 12

bulan lepas dan 75.5% menyatakan GRO adalah daripada pekerjaan dilakukan. Bahagian anggota belakang bawah paling tinggi menerima aduan berbanding anggota lain. 85.3% penuai merasakan alat pahat yang digunakan berat. Risiko bekerja dalam keadaan postur janggal dengan menggunakan RULA analisis (skor 3 – 4) adalah 18.2 kali lebih tinggi untuk mengalami GRO. Tempoh menggunakan alat pahat kurang daripada 1 adalah 5.7 kali lebih tinggi untuk mengalami GRO. Simulasi analisis RULA menunjukkan rekaan konvensional adalah berisiko tinggi untuk mengalami GRO iaitu pada skor 7 pada peringkat tindakan. Keputusan ujian lapangan kajian (prototaip) dan simulasi 3D rekaan baru terdapat penurunan markah RULA iaitu pada peringkat tindakan 2 (risiko rendah) berbanding rekaan konvensional iaitu pada peringkat tindakan 4 (risiko tinggi).

Kesimpulanya:Objektif kajian telah dicapai dengan cadangan rekaan alat penuaian ergonomik baru yang menggabungkan kajian sains perubatan dan proses reka bentuk industri bagi meningkatkan keselamatan dan kesihatan penuai sawit di Johor secara amnya.

Kata Kunci:*Penuai sawit, RULA, Antropometrik, GRO, Penghasilan rekaan, Simulasi, Alat penuaian.*

Abstract of thesis presented to the senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science.

REDUCTION ON AWKWARD POSTURE THROUGH MODIFIED EXISTING TOOLS AMONG PALM OIL PLANTATION WORKERS IN JOHOR, MALAYSIA

By

IRWAN SYAH BIN MD YUSOFF

April 2014

Supervisor : Associate Professor Shamsul Bahri Bin Hj. Md Tamrin,

Fakulti : Medicine and Health Science

Introduction: Work environment and the equipment used to harvest BTS have been identified as one of the factors contributing to the increase of GRO. The primary objective of this study is to design and develop a harvesting equipment aim to reduce potential health problems using ergonomic principles and evaluate GRO risk factors specifically on the upper body and lower back amongst palm harvester in Johor.

Method: A total of 273 palm harvesters who meet inclusion criteria were chosen for the study. Nordic questionnaire was modified and translated into Bahasa Indonesia (Lombok) to suit the working environment in order to determine the regularity of GRO related problems (complaints over the last 12 months and 7 days past work). Every palm harvester work posture was recorded and analyzed using RULA. Selective anthropometric measurements and chisel measurement were taken to match congruity value. Development of the design was carried out using the principles of User Centered Design (UCD). Fabrication of prototypes produced and field testing studies have been conducted.

Results: 100% of harvesters consists of Indonesian workers with an average age of $29.13 \pm 6:50$. A total of 78.0% of complaints made concerning GRO in the past 12 months and 75.5% indicated GRO is outcome of a job done. Lower back received the most complain compared to other parts of the body. 85.3% of the harvesters felt the chisel used was a heavy equipment. Using RULA analysis (score 3-4) to evaluate, risks working in awkward postures was found to be 18.2 times higher for experienced GRO. Period of using a

chisel tool less than 1 was 5.7 times higher to experience GRO. Simulation analysis shows RULA conventional design face high risk of experiencing GRO with the score of 7 on the action level. The results of the field test study (prototype) and 3D simulation of new designs found RULA's score decreases to second action level (low risk) compared to conventional designs where the score is at action 4 (high risk).

Conclusion: The objective of this study was achieved with the proposed design of a new ergonomic harvesting tool which combines medical science and industrial design to increase the safety and health of the palm harvesters in Johor in general.

Keywords: *Palm harvesters, RULA, Anthropometric, GRO, Production design, Simulation, Harvesting tools.*



PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah ke hadrat illahi diatas limpah kurniaNya.Kajian ini telah dapat dihasilkan dengan jayanya yang bermula dari Januari 2012 sehingga Julai 2013. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada UPM kerana telah membiayai kajian saya di bawah skim geran university (RUGS).

Setinggi penghargaan ditujukan khas kepada penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Shamsul Bahri Bin Hj. Tamrin. Tanpa bantuan atau tunjuk ajar beliau, kajian ini tidak dapat dijayakan dengan baik.Beliau juga tidak putus-putus memberikan semangat dan jalan penyelesaian ketika saya mengalami kebuntuan ketika mengendalikan kajian ini.Ucapan ribuan terika kasih juga ditujukan khas kepada penyelia bersama dalam kajian saya iaitu Prof. Madya Dr. Aini Mat Said daripada Fakulti Ekologi Manusia, Jabatan Pengurusan Sumber dan Penggajian Pengguna, UPM.Tidak ketinggalan juga ucapan ini tujukan kepada En. Eng Yee Guan yang telah sama-sama membantu saya dalam proses pengumpulan maklumat di lapangan kajian dan kepada rakan-rakan serta mereka yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan kajian.

Tidak ketinggalan juga kepada isteri saya yang telah banyak berkorban dan memberi semangat dalam proses penghasilan kajian ini. Akhir sekali kepada ibu bapa saya yang telah mendoakan kejayaan saya selama ini.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Thesis telah berjumpa pada tarikh **vica voce** untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi **Irwan Syah Md Yusoff** bagi menilai tesis beliau yang bertajuk **pengurangan postur janggal melalui pembaikan alat penuaian sedia ada dalam kalangan pekerja sawit di Johor, Malaysia**” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah **SarjanaSains (Kesihatan Persekitaran)**.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Muhammad Hanafiah Bin Juni, PhD

Professor
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Anita Binti Abdul Rahman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Zulkifli b Muslim, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Rekabentuk dan Senibina
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

BaBa B Md Deros, PhD

Professor
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Norita Omar , PhD

Profesor Madya dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatakuasa Penyelia adalah seperti berikut:

Shamsul Bahri Bin Hj. Tamrin, PhD
Professor Madya
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Aini Mat Said, PhD
Professor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

PERAKUAN PELAJAR SISWAZAH

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2013. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: **IRWAN SYAH MD YUSOFF/ GS328432**

PERAKUAN AHLI JAWATANKUASA PENYELIAN

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi: **Shamsul Bahri Bin Hj. Tamrin, PhD**
Jawantankuasa
Penyelian

Tandatangan:

Nama Ahli: **Aini Mat Said, PhD**
Jawantankuasa
Penyelian

ISI KANDUNGAN

	Muka
	surat
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xx
SENARAI SINGKATAN	xxi
BAB	
1. PENGENALAN	
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Justifikasi Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	7
1.5.1 Objektif Umum	7
1.5.2 Objektif Spesifik	7
1.6 Hipotesis Kajian	8
1.7 Kerangka Konsep Kajian	8
1.8 Definisi Pembolehubah	12
1.8.1 Faktor Risiko	12
1.8.2 Risiko Ergonomik (postur tubuh)	12
1.8.3 Antropometrik dan Alatan Tangan	13
1.8.4 Gangguan Rangka Otot	13

2. KAJIAN LITERATUR

2.1	Industri Sawit di Malaysia	15
2.2	Penuaian	19
2.2.1	Jenis Alatan Penuaian	19
2.2.2	Aktiviti Penuaian di Malaysia	20
2.3	Gangguan Rangka Otot	21
2.3.1	GRO Dikalangan Penuai Sawit	21
2.3.2	GRO Pekerja Asing Sektor Pertanian	24
2.4	Penyumbang Faktor Risiko GRO	29
2.4.1	Umur	29
2.4.2	Pendidikan	29
2.4.3	Aktiviti fizikal	29
2.5	Penilaian Risiko	30
2.6	Aplikasi prinsip rekaan	30
2.6.1	Ergonomik Pada Peralatan Tangan	33
2.6.2	Elemen Rekaan Alatan Tangan	33
2.6.2.1	Berat Alatan Tangan	34
2.6.2.2	Ciri-Ciri Pemegang	34
2.6.2.3	Genggaman	34
2.7	Antropometrik	37
2.7.1	Aplikasi Antropometrik	37
2.7.2	Konsep Antropometrik	37
2.7.3	Parameter Ukuran Antropometrik	38
2.7.4	Alatan Tangan dan Antropometrik	39
2.7.5	Tangan Dominan	40
2.8	Ketidaksepadanan	40
2.9	<i>Rapid Upper Limb Assessment (RULA)</i>	41

3. METODOLOGI

3.1	Latar Belakang Kajian	44
3.2	Lokasi Kajian	44
3.3	Proses Kerja Ladang Sawit	46
3.4	Kaedah Persampelan	48
3.4.1	Populasi Persampelan	49
3.4.2	Rangka Persampelan	49
3.4.3	Unit Persampelan	49
3.4.4	Saiz Sampel	50

3.5	Pemboleh Ubah	51
3.5.1	Pemboleh Ubah Tidak Bersandar	51
3.5.2	Pemboleh Ubah Bersandar	51
3.6	Pengumpulan Data	52
3.6.1	Borang Kaji Selidik	52
3.6.2	<i>Body Mass Index</i> (BMI)	54
3.6.3	<i>Rapid Upper Limb Assessment</i> (RULA): Pemerhatian waktu sebenar	55
3.7	Peralatan/Instruman Kajian	61
3.7.1	Rakaman Video	61
3.7.2	Ukuran Antropometrik	61
3.7.3	Analisis Data	63
3.7.4	Analisis RULA	63
3.7.5	Pembangunan Reka Bentuk Teknikal	64
3.7.6	Simulasi Rekaan	65
3.7.7	Ujian penggunaan tenaga responden (tangan)	66
3.8	Prosedur Kajian	67
3.8.1	Ketidaksepadanan	67
3.8.2	Penghasilan Reka Bentuk Alat Penuian	68
3.9	Kerangka ringkasan kajian	72
3.10	Kawalan Kualiti Kajian	74
3.10.1	Ujian Kebolehpercayaan	74
3.10.2	Ukuran Antropometrik	74
3.10.3	Penimbang Berat	74
3.11	Data Analisis	75
3.12	Ujian Kenormalan	75
3.13	Etika Kajian	77
3.14	Limitasi Kajian	77
4.	HASIL KAJIAN	
4.1	Maklumat Sosio-Demografi	78
4.1.1	Sosio-demografi	78
4.1.2	Data Pekerjaan	80
4.1.3	Gaya Hidup	81
4.2	Prevalens gangguan rangka otot bahagian atas dan belakang bawah	82

4.3	Maklumat mengenai alatan menuai	85
4.4	Analisis Postur	86
4.5	Hubungan antara faktor risiko dengan bahagian badan atas (<i>Upper torso Part</i>) dan belakang bawah.	88
4.5.1	Ujian Khi Kuasa Dua (X^2)	88
4.5.2	Ujian Logistik Regerasi Binari	91
4.6	Ketidaksepadanan Pahat	92
4.6.1	Spesifikasi Alat Pahat	92
4.6.2	Ukuran Antropometrik	92
4.6.3	Ketidaksepadanan	93
4.6.4	Cadangan Ukuran	94
4.6.5	Perbandingan ukuran ketidaksepadanan dengan cadangan ukuran	94
4.7	Reka Bentuk Alat	96
4.8	Perbandingan Analisis (CATIA)	98
4.9	Prototaip	100
4.9.1	Fabrikasi	100
4.9.2	Perbandingan Analisis Postur (Prototaip)	101
4.10	Perbandingan penggunaan tenaga antara alat konvensional dengan rekaan baru	103
5.	PERBINCANGAN	
5.2	Maklumat Sosio-Demografi	104
5.2.1	Data Pekerjaan	105
5.2.2	Gaya Hidup	106
5.3	Prevalens gangguan rangka otot bahagian atas badan dan belakang bawah	106
5.4	Penggunaan pahat sebagai alat menuai BTS	108
5.5	Analisis Postur	109
5.6	Hubungan antara faktor risiko dengan bahagian badan atas (<i>Upper torso Part</i>) dan belakang bawah.	110
5.7	Ketidaksepadanan Alat	112
5.8	Reka Bentuk Baru Alat Tuai	113
5.8.1	Kaedah Penggunaan Rekaan	114
5.9	Perbandingan Rekaan baru Dengan Rekaan Konvensional	114

5.10	Maklumat Fabrikasi Rekaan	115
5.11	Perbandingan Rekaan di Lapangan Kajian Dengan Simulasi	121
5.12	Penggunaan Tenaga Antara Rekaan Baru Dengan Alat Konvensional	121
6.	KESIMPULAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	
6.1	Kesimpulan	122
6.2	Implikasi	125
6.3	Cadangan	125
	RUJUKAN	127
	LAMPIRAN	141
	BIODATA PELAJAR	186
	SENARAI PENERBITAN	191

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
2.1	Rumusan simptom dan faktor risiko GRO sering terjadi kalangan peladang/petani.	25
3.1	Kriteria persampelan	48
3.2	Senarai populasi persampelan	49
3.3	Klasifikasi menentukan tahap BMI	55
3.4	Tahap tindakan RULA	59
3.5	Rumusan kaedah & penilaian ketidaksepadanan kajian	67
3.6	Ujian statistik	75
4.1	Taburan penuai berdasarkan sosio-demografi	79
4.2	Maklumat pekerjaan	80
4.3	Gaya hidup penuai	81
4.4	Prevalens masalah gangguan rangka otot di kalangan penuai sawit.	83
4.5	Maklumat berkaitan dengan alatan	86
4.6	Analisis postur	87
4.7	Perkaitan terhadap faktor risiko dengan (Ujian khi kuasa dua)	89
4.8	Faktor risiko bagi masalah GRO bahagian atas badan dan belakang bawah	91
4.9	Ukuran alat penuai dengan responden	92
4.10	Ukuran antropometrik tangan penuai	93
4.11	Ketidaksepadanan pahat dengan ukuran penuai	93
4.12	Cadangan ukuran	94
4.13	Perbandingan ketidaksepadanan dengan cadangan ukuran	95
4.14	Skor analisis postur	99

4.15	Perbandingan skor analisis postur	102
4.16	Perbandingan penggunaan tenaga antara alat konvensional dengan rekaan baru	103



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka konsep kajian	11
2.1	Contoh pokok sawit dan tandan buah sawit	16
2.2	Pengeluaran minyak sawit Malaysia tahun 2011	17
2.3	Penggunaan tananaman ladang terpilih di Malaysia	18
2.4	Contoh alat pahat digunakan oleh penuai sawit.	20
2.5	Gambaran faktor risiko (GRO) keadaan kerja penuai pokok tinggi dan rendah sawit	23
2.6	Prinsip ' <i>User centered-design</i> '	31
2.7	Ilustrasi proses UCD	32
2.8	Jenis-jenis genggam	36
2.9	Analisis permodelan RULA	43
3.1	Lokasi kajian – Gugusan Felda Wilayah Johor Bahru	45
3.2	Proses kerja ladang sawit	47
3.3	Sesi temuduga	52
3.4	Contoh kedudukan postur badan penuai	56
3.5	Borang RULA	58
3.6	Sistem skor RULA	59
3.7	Ringkasan proses pengumpulan maklumat	60
3.8	<i>Handycam</i> digunakan ketika rakaman video	61
3.9	Diameter genggam dalam dan lebar tapak tangan tangan	62
3.10	Mengukur ketinggian	62

3.11	Penimbang “SECA 761 dan kaedah mengukur berat	63
3.12	Contoh gambaran tettingkap perisian SolidWorks 2007	64
3.13	Contoh gambaran RULA simulasi menggunakan perisian CATIA	65
3.14	1). <i>Electromyography</i> (EMG) <i>wiyerless</i> , 2).Pemasangan alat EMG, 3) Bahagian pemancar di letakkan.	66
3.15	Rumusan aliran proses reka bentuk rekaan baru – Pahat	70
3.16	Contoh lakaran saiz kecil dan pembangunan konsep rekaan	71
3.17	Ringkasan proses kajian	73
3.18	Data kenormalan keseluruhan umur responden	76
3.19	Data kenormalan umur penuai bagi ujian keberkesanan (EMG) rekaan baru dengan alat konvensional	76
4.1	Inovasi baru alat tuaian	97
5.1	Reka bentuk pemegang kawalan dengan struktur tangan	116
5.2	Pemegang hadapan boleh laras	116
5.3	Pemasangan sub–pemegang	118
5.4	Pemegang kawalan ergonomik	118
5.5	Sub–pemegang hadapan	119
5.6	Saiz dan gambaran pemegang D	119
5.7	Pemasangan mata pemotong dengan BBBG	120
5.8	Sistem kekunci keselamatan	120

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka Surat
1	Surat permohonan/kebenaran & sokongan	141
2	Borang soal selidik	147
3	Gambar pengumpulan maklumat	162
4	Lakaran rekaan	164
5	Pembangunan rekaan	166
6	Lakaran akhir	169
7	Rekaan 2D & 3D	171
8	Lukisan Teknikal	173
9	Simulasi Rekaan	175
10	Fabrikasi Prototaip	177
11	Gambaran Rekaan Prototaip Sebenar	180
12	Perbandingan Lapangan Kajian & Simulasi	184

SENARAI NAMA SINGKATAN

AKP	Analisis Keselamatan Pekerja
AHP	Analisis Hazad Pekerjaan
BBBG	Batang Besi Berongga Galvani
BTS	Buah Tandan Segar
BBSS	Batang Besi Stainless Steel
CAD	<i>Computer Aided Design</i>
cm	<i>Centimeter</i>
CI	<i>Confidence interval</i>
DOSH	<i>Department of Occupational Safety and Health</i>
EMG	<i>Electromyography</i>
GRO	Gangguan Rangka Otot
BMI	<i>Body Mass Index</i>
KG	Kilogram
m	Meter
Mak	Maksimum
Min	Minimum
mm	Millimeter
N	<i>Newton</i>
USD	<i>United State Dollar</i>
NO	Nisbah <i>odd</i>
Od	<i>odd</i>
PE	Penilaian Ergonomik
RULA S.P	<i>Rapid Upper Limb Assessment</i> Sisihan Piawai
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>

UCD	<i>User Centered Design</i>
UPM	Universiti Putra Malaysia
3D	3 Dimensi
2D	2 Dimensi



BAB 1

PEGENALAN

1.1 Latar belakang

Malaysia telah memberi tumpuan dalam industri sawit sejak sekian lamanya lagi. Kerajaan Malaysia berhasrat untuk menghasilkan sendiri sumberbio-kimia yangbolehdigunakan sebagaibahanapi dan pelbagai produk untuk kegunaan pengguna yang berasaskan kepada sumber tumbuhan. Pada tahun 2011, Malaysia merupakan negara pengeksport minyak sawit terbesar di dunia dengan menyumbang sebanyak 27.9% minyak dunia (Oil World, 2012) dan menjadi salah satu daripada teras ekonomi di Malaysia.

Industri sawit Malaysia diklasifikasikan kepada tiga peringkat utama iaitu peringkat perladangan, pemprosesan dan penghasilan produk.Pada peringkat perladangan yang merangkumi kerja-kerja semaian, penanaman, penuaian, pengumpulan dan penghantaran ke kilang. Pada peringkat kedua iaitu peringkat pemprosesan, peringkat ini melibatkan aktiviti penghasilan minyak, penapisan, pengumpulan bahan dan proses pemasaran. Peringkat terakhir iaitu peringkat penghasilan bahan yang merupakan peringkat yang berasaskan produk bukan makanan dan produk makanan. Secara keseluruhannya, aktiviti pada peringkat perladangan sawit masih lagi bergantung kepada kemampuan dan produktif yang dilakukan secara manual oleh pekerja buruh(Jelani et al., 2008).

Tenaga buruh kasar digunakan secara meluasdi ladang sawitkeranaterdapatkebergantunganterhadap kerja yang dilakukan secaramanualbagi semuaaktiviti utamaseperti penyediaan ladang, semaian, penanaman, pembajaan, penjagaanatau penyelenggaraan, penuaian, pengumpulan dan pengangkutan. Kerja-kerja secara manualmasih lagi digunakan secara meluas keranakosperalatan sepertipahatdan sabitadalahlebih rendah berbanding daripadamekanisasiuntuk aktiviti penuaian buah tandan segar (BTS) (Jelani, 1997).

Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk menarik minat pekerja tempatan untuk menceburi sektor perladangan sawit. Antara usaha yang dilakukan ialah mereka bentuk alatan dalam bentuk mekanisasi yang bertujuan untuk mengurangkan masalahkebergantungankepada pekerja asing dan menarik

minat pekerja tempatan bagi menyertai sektor perladangan sawit (Jelani et al., 2008).

Antara aktiviti-aktiviti perladangan sawit yang terlibat adalah semaian pokok sawit, membaja, meracun dan penuaian BTS. Aktiviti menuai BTS dikenal pasti sebagai tugas yang berisiko tinggi yang memerlukan penggunaan tenaga yang banyak berbanding dengan kerja-kerja lain. Tugas yang dilakukan oleh penuai adalah memotong tandan buah sawit yang telah masak dan memangkas daun pelepah yang tidak diperlukan bagi tujuan tumbesaran pokok. Oleh itu, jadual kerjaya BTS adalah bergantung kepada kematangan buah sawit melalui kaedah pemerhatian di ladang (Owolarafe & Arumugan, 2007).

Oleh itu, penuai di ladang sawit lebih berisiko terhadap masalah kesihatan yang disebabkan oleh hazard fizikal, psikososial hazard dan ergonomik hazard. Menurut Chapman & Meyers (2001); Meyers et al. (2000, 1997), terdapat tiga faktor dalam sektor pertanian yang menjadi faktor penyumbang utama kepada risiko gangguan rangka otot (GRO) antaranya ialah aktiviti mengangkat dan membawa beban lebih 22.7 kg; struktur badan yang membengkok (bongkok) secara tetap atau berulang dan kerja-kerja yang melibatkan anggota tangan yang dilakukan secara berulang-ulang (memotong buah). Kenyataan ini turut disokong melalui kajian yang telah dijalankan oleh Mazz et al. (1997), apabila sektor pertanian telah dikenal pasti sebagai salah satu pekerjaan yang paling berisiko di Amerika Syarikat.

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH, 1997) mencadangkan istilah "gangguan ergonomik" digantikan dengan "kerja berkaitan GRO. Gangguan rangka otot termasuk sindrom '*Carpal tunnel syndrome, Trigger finger, De Quervain's*' dan penyakit lain (Clagget et al., 2002). Secara dasarnya, pekerjaan yang boleh mendatangkan masalah kesihatan kepada pekerja dalam bidang pertanian boleh diklasifikasikan kepada dua kategori yang berbeza iaitu kecederaan akut dan GRO (Davis & Kotowski, 2007). Kecederaan akut ditakrifkan sebagai penyakit atau kecederaan yang terjadi dalam jangka masasingkat dan memerlukan rawatan segera (Stedman's Medical Dictionary, 2004) seperti luka-luka berdarah, kecederaan teruk (jatuh sehingga patah, di tendang binatang) dan kemalangan yang berlaku secara tiba-tiba di tempat kejadian. Sebaliknya, GRO terjadi secara kumulatif dalam keadaan semula jadi dan terhasil daripada dedahan atau kelakuan yang berulang-ulang (Davis & Kotowski, 2007).

Sehubungan dengan itu, aktiviti memotong tandan sawit berpotensi terdedah kepada risiko GRO dalam kalangan penuai seperti postur janggal, keadaan kerja statik yang dilakukan secara berulang-ulang dan penggunaan tenaga secara paksa serta melampau. Di samping itu juga, GRO juga boleh terhasil daripada kesan penggunaan alatan yang tidak ergonomik dan mempunyai kaitan yang ketara terhadap kesihatan penuai sawit dalam jangka masa panjang (Mohd Nizam & Rampal, 2005). Menurut Mohd Nizam

& Rampal(2005) lagi, pekerja sawit (pemotong) yang mengalami sakit belakang mempunyai perkaitan yang signifikan (O.D: 5.010, 95%CI: 1.42, 18.27) dengan postur kerja janggal yang membongkok pada tahap prevelans yang tinggi.

Pada masa kini, alatan yang digunakan bagi aktiviti memotong tandan sawit secara manual adalah alat pahat dan sabit. Bagi menghasilkan reka bentuk alat yang berkesan atau melakukan penambahbaikan pada rekaan mesin atau peralatan, garis panduan dan prinsip-prinsip ergonomik yang berorientasikan kepada keperluan fisiologi dan psikologi pengguna perlu disertakan. Proses mereka bentuk peralatan sentiasa mempunyai hubung kait dengan keperluan biologi pengendali yang ditentukan dengan garis panduan ergonomik dan keperluan fizikal antara jentera atau peralatan (Das & Sengupta, 1996). Maklumat asas ukuran antropometrik pengguna dan ukuran alatan tangan yang digunakan oleh pengguna diperlukan bagi menghasilkan rekaan yang bersesuaian dengan pengguna dan berorientasikan kepada prinsip ergonomik. Terdapat kajian yang menunjukkan terdapat perkaitan ketidaksepadanan antara peralatan yang digunakan dengan ukuran antropometrik pengguna (Gouvali & Boudolos, 2006; Panagiotopoulou et al., 2004). Sehubungan dengan itu, ukuran antropometrik memainkan peranan yang sangat penting dalam mereka bentuk sesebuah alatan yang bersesuaian dengan kehendak kerja dan pengendali. Meskipun begitu, faktor risiko yang menjadi penyumbang kepada masalah GRO seharusnya diberikan penekanan selain daripada ukuran antropometrik dalam proses mereka bentuk alatan tangan yang ergonomik.

Oleh itu, faktor yang menyumbang kepada risiko GRO ialah kedudukan postur kerja dan kedudukan tangan yang secara statik dalam tempoh waktu yang lama, gerakan melentur atau pergerakan tangan melebihi paksi normal, tekanan pada pangkal tapak tangan, ketegangan yang berterusan, gengaman, getaran, dan penggunaan anggota tangan yang melampau dan kedudukan postur janggal (Armstrong et al., 1993).

Secara amnya, adalah sukar untuk menemui kajian yang memberi tumpuan secara khusus kepada reka bentuk alat pahat yang berteraskan kepada prinsip-prinsip ergonomik atau membincangkan kesan hazard ergonomik kepada kesihatan para pekerja. Walau bagaimanapun, terdapat kajian yang dilakukan berkaitan gangguan rangka otot pada bahagian belakang bawah yang menyebabkan sakit pinggang dalam kalangan penuai sawit. Sehubungan dengan itu, terdapat hubungan yang signifikan antara alatan yang digunakan dengan postur kerja (Mohd Nizam & Rampal, 2005).

1.2 Penyataan masalah

Penggunaan alatan tangan seperti pahat dan sabit bagi tujuan penuaian telah lama digunakan sejak industri sawit diperkenalkan di Malaysia. Walau bagaimanapun, keadaan kerja dan struktur reka bentuk alat itu sendiri berpotensi mendatangkan kesan kepada kesihatan pekerja seperti gejala GRO yang terhasil daripada postur janggal, kelakuan kerja berulang-ulang, penggunaan tenaga yang melampaui kemampuan tubuh, pergerakan berterusan yang melangkaui limitasi paksi normal kepada penuai sawit. Berdasarkan kaji selidik yang telah dijalankan oleh Walker-Bone & Palmer (2002) berkaitan penyakit yang dilaporkan di Britain pada tahun 1995, terdapat 43,000 orang pekerja di sektor pertanian mengalami simptom gejala GRO yang berpunca daripada pekerjaan yang dilakukan. Sebanyak 25% pekerja di sektor pertanian mengalami masalah pada bahagian anggota atas badan - kesakitan berpanjangan dalam seminggu (Davis & Kotowski, 2007).

Secara amnya, pokok sawit yang rendah di antara paras dada dan kebawah menggunakan alat pahat untuk aktiviti menuai BTS dan memangkas pelepah. Penggunaan alat pahat pada pokok sawit yang rendah memerlukan penuai membongkokkan badan dan menggunakan tenaga yang melebihi kemampuan tubuh untuk aktiviti menuai dan memangkas. Pada peringkat ini, penuai berhadapan dengan risiko GRO seperti penghasilan tenaga yang melampau, pergerakan berulang-ulang, pergerakan tangan yang melampau dan postur membongkok. Menurut McCurdy et al. (2003); Meyers et al. (1997), menyatakan bahawa GRO yang terjadi tidak membawa maut tetapi kecederaan yang paling biasaberlaku pada pekerja dalam bidang pertanian, terutama sekali pekerja yang terlibat dalam amalan kerja yang dilakukan secara intensif.

Secara amnya, penggunaan alat pahat untuk menuai BTS boleh mendatangkan kecederaan yang tidak di duga pada jangka masa panjang seperti sindrom GRO. Menurut Takala et al. (2005), 40% kos perubatan adalah berpunca daripada GRO yang mempunyai kaitan dengan kerja yang dilakukan. Salah satu daripada faktor utama kepada penyumbang kecederaan adalah reka bentuk alatan yang digunakan adalah tidak bersesuaian.

Tahap kualiti reka bentuk alat pahat yang rendah dan tidak mengikut garis panduan ergonomik merupakan salah satu faktor yang menjadi penyumbang kepada tekanan biomekanik, peningkatan risiko trauma secara kumulatif serta gangguan urat saraf (Anderson & Chaffin, 1986), meningkatkan risiko kecederaan dan kesan GRO untuk jangka masa yang panjang. Tiwari et al. (2002), melaporkan bahawa kadar nisbah keseluruhan kecederaan dalam sektor pertanian adalah 1.25/1000 pekerja/tahun di negara India. Menurut Tiwari et al. (2002), dianggarkan 77.6% daripada semua kejadian adalah disebabkan daripada

sektor yang melibatkan jentera ladang, 11.8%berpunca daripadaalatan tangan yang digunakandanselebihnya10.6%disebabkanolehfaktor-faktor lain seperti terjatuh, gigitan binatang liar dan lain-lain.

Dalam konteks mereka bentuk alatan tangan, ukuran antropometrik pada anggota tangan diperlukan. Ukuran antropometrik tangan digunakan di pelbagai aspek dalam industri jentera (Parcells et al. 1999),hal ini bertujuan supaya reka bentuk peralatan dan mesin lebih berkesan serta dapat memberikan keselesaan kepada pengguna. Secara amnya, bagi mendapatkan prestasi yang optimum di antara pengendali dan mesin, nilai kesepadanan atau kesesuaian yang betul di antara keperluan mesin atau peralatan dan keupayaan pengendali diperlukan. Dalam mereka bentuk peralatan tangan, pereka seharusnya menitikberatkan antara keperluan fisiologi pengguna yang ditentukan melalui garis panduan ergonomik dan keperluan fizikal pengguna (Kumar et al. (2008); Buchholz et al., 1992).

Dalam proses penghasilan reka bentuk rekaan, para jurutera/ergonomis perlumerujuk kepadadata antropometrik. Rekaan yang dihasilkan tidak dapat berfungsi dengan baik sekiranya tidak mematuhi prinsip ergonomik (Haslegrave, 1986). Perkara ini dapat mengurangkan kecekapan operasi dan menjadi tidak selamat serta menyebabkan ketidakselesaan kepada pengendali. (Gite & Singh, 1997).

Oleh yang demikian, perkara-perkara yang perlu diberikan penekanan dalam penghasilan alat tangan yang ergonomik adalah dengan berlandaskan prinsip ergonomik seperti ukuran antropometrik pengguna/pengendali dan faktor-faktor risiko yang boleh menjurus kepada GRO seperti keadaan postur janggal ketika mengendalikan alat, kedudukan posisi tangan dengan pemegang dan saiz alatan yang tidak bersepadanan dikalangan penuai sawit serta nilai estetika pada rekaan.

1.3 Justifikasi kajian

Kebanyakan kajian tertumpu kepada kaedah peningkatan dan penghasilan reka bentuk bagi meningkatkan hasil produktiviti buah sawit. Walau bagaimanapun, masih kurang penekanan diberikan kepada faktor-faktor risiko yang boleh mempengaruhi kesihatan pekerja ketikamengendalikan alat penuaian sawit kerana faktor-faktorini juga mampu memberi kesan kepada prestasi kerja dan membawa kesan sampingan pada masa depan seperti masalah GRO.

Kajian ini penting dijalankan kerana ketidaksepadanan alat berpotensi membawa kepada kesan kesihatan jangka masa yang panjang seperti GRO kepada penuai sawit dan ini boleh mendatangkan kesan pada produktiviti

kerja. Dalam bidang pertanian, kerja-kerja yang dilakukan melebihi kemampuan tangan merupakan salah satu faktor risiko yang membawa kepada gangguan pada anggota bahu (Fulmer et al., 2002). Menurut kajian Sen (1984), dengan melakukan pengubahsuaian pada bahagian pemegang dapat meningkatkan prestasi kerja menyodokserta mengurangkan kekerapan postur kerja membongkok atau postur membongkok tidak diperlukan lagi.

Kajian ini juga dapat mengenalpasti faktor risiko yang menjadi penyumbang kepada masalah GRO yang melibatkan bidang kerja, faktor sosio-demografik serta faktor psikososial. Oleh itu, kajian juga mengkaji perkara-perkara yang berpotensi menjurus kepada faktor risiko GRO yang secara khusus kepada penuai sawit yang menggunakan alat pahat. Sehubungan dengan itu, maklumat daripada kajian ini dapat membantu dalam proses mereka bentuk dengan mengenal pasti risiko hazard ergonomik dan faktor risiko lain yang melibatkan kesihatan pekerja bagi menghasilkan rekaan yang menepati keperluan ergonomik serta bersesuaian dengan keperluan penuai sawit yang menggunakan pahat bagi aktiviti memotong tandan buah sawit secara amnya di Johor.

Dengan adanya kajian seperti ini, permasalahan yang sering di alami oleh pekerja ladang sawit secara khususnya pemotong buah (penuai) dapat dikenalpasti. Di antara permasalahan yang dikenalpasti seperti masalah kesihatan yang dialami oleh pekerja dan kesesuaian alat tuaian dengan pekerja. Maklumat seperti ini dapat di gunakan oleh komuniti perladangan sawit serta negara secara amnya bagi tujuan penambahbaikan terhadap hasil produktiviti dan menggalakkan golongan muda dikalangan penduduk tempatan menceburi industri perladangan sawit.

1.4 Persoalan kajian

- I. Adakah pekerja – pekerja penuai (pemotong) sawit yang menggunakan alat pahat mengalami masalah kesihatan?
- II. Adakah postur kerja penuai (pemotong) sawit menyumbang kepada masalah kesihatan kepada pekerja yang menggunakan alat pahat?.
- III. Adakah saiz dan ukuran alat pahat (tuaian) bersesuaian dengan ukuran antropometrik penuai dan apakah kesannya kepada penuai?.
- IV. Adakah penambahbaikan pada alat tuaian (pahat) perlukan dilakukan yang berdasarkan keperluan kerja dan ukuran antropometrik penuai?.

1.5 Objektif kajian

1.5.1 Objektif umum

Mereka bentuk dan mengubahsuai rekaan alat penuaian bagi mengurangkan postur janggal yang berorientasikan kepada prinsip ergonomik dan menilai faktor risiko GRO yang secara khususnya pada bahagian atas badan dan belakang bawah di kalangan penuai sawit di Johor.

1.5.2 Objektif Spesifik

- I. Untuk menentukan prevalens kes GRO antara 12 bulan lepas dan 7 hari terakhir hari bekerja pada bahagian anggota tubuh badan atas dan belakang bawah di kalangan penuai sawit di Johor.
- II. Untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan alatan tangan yang digunakan dan kelaziman kesan kesihatan yang dialami oleh pekerja.
- III. Menilai postur kerja penuai sawit dengan menggunakan kaedah *Rapid Upper Limb Assessment (RULA)*.
- IV. Menentukan perkaitan faktor risiko dengan GRO pada bahagian anggota atas badan dan belakang bawah.
- V. Mengukur ukuran ketidaksepadanan ukuran alat yang digunakan oleh penuai sawit dengan ukuran antropometrik dan mencadangkan ukuran baru yang bersesuaian dengan penuai.
- VI. Mencadangkan reka bentuk baharu alat pahat berdasarkan kepada ukuran yang dicadangkan yang merangkumi data analisis yang telah dilakukan dan menilai keberkesanan rekaan baru terhadap postur kerja.

1.6 Hipotesis kajian

1. Terdapat perkaitan hubung kait antara faktor risiko dengan gangguan rangka otot pada anggota bahagian atas badan dan belakang bawah dikalangan penuai sawit.
2. Terdapat penurunan yang signifikan dari analisis RULA bagi rekabentuk alat tuaian ergonomik baru berbanding dengan alat tuaian sedia ada.

1.7 Kerangka konsep kajian

Kajian ini hanya memfokus kepada bidang pertanian dan khusus kepada penuai sawit yang menggunakan alat pahat bagi aktiviti penuaian. Reka bentuk pahat yang digunakan secara manual pada ketika itu untuk aktiviti penuaian buah sawit didapati terdapat beberapa faktor risiko yang menjadi penyumbang kepada masalah kesihatan dan memberi kesan kepada produktiviti kerja. Terdapat tiga pemboleh ubah tidak bersandar yang dikaji dalam kajian ini iaitu faktor risiko yang berhubung kait dengan kerja dan tidak berhubung kait dengan kerja, risiko ergonomik/postur tubuh janggal dan ukuran kesepadanan alat dengan data antropometrik (Kumar et al 2008).

Faktor risiko dalam reka bentuk alatan tangan yang ergonomik ialah perkara yang berhubung kait dengan kerja penuaian sawit seperti hari rehat (cuti) pekerja kerana hari tersebut penting untuk otot-otot pulih daripada keletihan. Sekiranya badan tidak mendapat rehat yang cukup maka secara khususnya otot tidak dapat membaiki dengan sendiri otot-otot yang tercedera. Otot-otot yang rosak boleh menyebabkan kecederaan secara kumulatif. Jangka masa bekerja merupakan jumlah waktu kerja yang diperuntukkan oleh penuai bagi melaksanakan tugas dalam sehari. Faktor ini adalah penting kerana dalam tempoh waktu itu penuai terdedah kepada semua faktor-faktor risiko yang boleh membawa kepada masalah GRO terutama sekali pada bahagian anggota atas badan dan belakang bawah. Kecederaan lepas yang berhubung dengan kerja adalah salah satu daripada faktor risiko terjadinya GRO yang secara khususnya pada anggota yang banyak terlibat untuk aktiviti penuaian seperti bahagian siku, lengan, tangan, leher, belakang atas dan belakang bawah yang pernah mengalami kecederaan. Situasi ini akan meningkatkan lagi potensi terdedah kepada gejala GRO (Mohd Nizam & Rampal, 2005).

Faktor risiko yang tidak melibatkan bidang pekerjaan responden juga harus diberi perhatian dalam mereka bentuk alatan tangan yang ergonomik agar penuai dapat memenuhi kesesuaian ruang kerja. Aktiviti pada waktu lapang

